

# Lawatan PM ke Mesir manfaat hubungan, kerjasama KL-Kaherah

- Anwar dan El-Sisi sepakat memaknakan lagi hubungan antara kedua-dua negara dengan Malaysia menyasarkan Mesir menjadi gerbang ekonomi yang dinamik bagi pasaran Asia Barat dan Afrika, manakala Kuala Lumpur pula menjadi pintu masuk bagi rantau ASEAN
- Dalam aspek pertukaran budaya, Malaysia dan Mesir akan terus menjadi destinasi popular untuk pelajar dan pakar perluas kajian serta penyelidikan berkaitan budaya, serta bekerjasama mengekalkan momentum kerjasama yang positif

Oleh Sariha Mohd Ali  
sariha@bh.com.my



Pengarang Berita  
Kanan Berita Harian

Lawatan rasmi empat hari Perdana Menteri ke Mesir berakhir kelmarin, bukan saja memperkukuhkan lagi hubungan diplomatik dijalin antara kedua-dua negara sejak 65 tahun dulu, malah ia membuka lembaran baharu menerusi kolaborasi perdagangan dan pendidikan direalisasikan.

Bukan itu saja, beberapa siri pertemuan dan perbincangan diadakan antara Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama Presiden Mesir, Presiden Mesir, Abdel Fattah El-Sisi di sini dan kemudian bersambung di Riyadh, Arab Saudi turut mengesahkan kedua-dua pemimpin mempunyai pandangan sama dalam isu sejangkit yang mendesak terutama membabitkan kejayaan rejim Zionis Israel terhadap Palestin serta Lubnan.

Kali ini, kedua-dua pemimpin mahu memanfaatkan fasa baharu persahabatan dan kerjasama lebih erat dengan Anwar dan El-Sisi bersetuju meningkatkan hubungan dua hala ke tahap perkongsian strategik dalam masa terdekat, yang berfungsi menjadi pemangkin kepada kemajuan serta pembangunan dan memperkukuh sinergi dalam usaha mencipta dunia yang stabil, adil dan saksama.

Dari sudut ekonomi, Anwar dan El-Sisi sepakat memaknakan lagi hubungan antara kedua-dua negara selepas ini dengan Malaysia menyasarkan Mesir menjadi gerbang ekonomi yang dinamik bagi pasaran Asia Barat dan Afrika, manakala Kuala Lumpur pula menjadi pintu masuk bagi rantau ASEAN.

Kerjasama yang dijalin ini bukan setakat kolaborasi perdagangan biasa, sebaliknya hubungan rakan kongsi membabitkan pemindahan ilmu, teknologi dan kepakaran dimiliki kedua-dua negara yang dilakukan berterusan.

Anwar dan El-Sisi yang mengiktiraf potensi ekonomi masing-masing yakin terhadap pertumbuhan berterusan nilai perdagangan serta aktiviti pelaburan dua hala yang komprehensif dijalin berdasarkan kepentingan bersama dalam perdagangan bebas, adil dan terbuka.

Ia dizahirkan Anwar ketika berucap pada majlis peluncuran kilang pemasangan tempatan (CKD) Proton Saga di Giza, semalam, yang mengakui Mesir negara pertama dilawati di benua Afrika kerana yakin dengan kepimpinannya dan peluang ekonomi besar yang boleh dimanfaatkan antara kedua-dua negara.

"Kita datang ke sini sebab kita yakin dengan pentadbiran El-Sisi dan hubungan yang sedia terjalin ini akan dipertingkatkan lagi selepas ini bagi kemajuan kedua-dua negara.

"Pentadbiran Mesir sangat serius dan memberi komitmen sepenuhnya untuk Malaysia mengembangkan perdagangan di sini dan saya memberi jaminan serta keyakinan bahawa pihak berkuasa di Malaysia juga akan melakukan perkara sama," katanya.

Pada sesi mesyuarat meja bulat yang diadakan dua kali sepanjang lawatan Perdana Menteri ke sini, membabitkan penyertaan kira-kira 60 kapten industri Mesir dan Malaysia, ia menghasilkan potensi eksport dianggarkan berjumlah RM4.8 bilion, sekali gus mencerminkan peluang besar dalam sektor inovasi bernilai tinggi seperti digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu Malaysia (NIMP) 2030.

Antara kejayaan dicapai apabila 12 syarikat pembuatan terkemuka Mesir berminat meneroka peluang pelaburan di Malaysia dalam sektor farmaseutikal, peranti perubatan, aeroangkasa dan petrokimia, selain 28 syarikat Mesir lain mahu memperoleh produk Malaysia seperti alat ganti automotif, minyak sawit, oleokimia, bahan kimia asas, panel solar, bahan binaan serta makanan dan minuman.

## Teroka peluang pelaburan baharu

Melalui integrasi antara akal dan etika ini, ia dapat membentuk generasi pemikir dan pemimpin yang bersedia mempertahankan maruah semua pihak dan membina dunia yang mencerminkan perpaduan serta belas kasihan seperti dikehendaki Islam.

"Kita tidak mahu jadi seperti institusi terkenal dunia lain yang memperoleh reputasi yang murni dalam kecemerlangan akademik tetapi malangnya menghasilkan graduan yang muflis secara moral," katanya.

Dalam aspek pertukaran budaya juga, Anwar dan El-Sisi bersetuju Malaysia dan Mesir akan terus menjadi destinasi popular untuk pelajar dan pakar memperluas kajian serta penyelidikan berkaitan budaya, serta bekerjasama mengekalkan momentum kerjasama yang positif.

Anwar berkata, kehebatan ketamadunan Mesir perlu dipelajari Malaysia, malah turut mengakui manfaat pertukaran budaya dalam memupuk persahabatan dan mempererat hubungan antara rakyat kedua-dua negara.

Umumnya, lawatan kali kedua Anwar sebagai Perdana Menteri ke Mesir ini bukan saja bagi memenuhi jemputan khas El-Sisi bagi meraikan sambutan hubungan diplomatik yang terjalin bermula 10 November 1959, malah kali ini ia mencakupi ruang lingkup yang lebih luas bagi memperkukuh kerjasama dalam pelbagai bidang yang memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

Anwar dan El-Sisi juga turut menekankan kepentingan mengekalkan serta memperkukuh kerjasama dalam pendidikan tinggi dan latihan dengan dua perjanjian persefahaman (MoU) ditandatangani iaitu antara Kerajaan Malaysia dan Mesir dalam bidang hal ehwal Islam serta MoU dengan Universiti Al-Azhar Al-Sharif membabitkan kerjasama program bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Perdana Menteri yang mengadakan pertemuan dengan Sheikh Al-Azhar Al-Sharif, Prof Dr Ahmad Muhammad Ahmad At-Tayyeb di pejabatnya di Universiti Al-Azhar, berjaya mencapai tiga persetujuan penting terutama penambahan biasiswa kepada pelajar Malaysia yang cemerlang dan melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan/sains, kejuruteraan dan teknologi di universiti itu.

Selain itu, Sheikh Al-Azhar juga bersetuju menubuhkan Institut Bahasa Arab di USIM dengan tenaga pengajar didatangkan khas dari Mesir dan perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh pihak mereka.

"Institusi pendidikan seperti Universiti Al-Azhar Al-Sharif berperanan penting dalam memupuk visi ilmu, ia bukan saja menjadi tempat pelajar menimba ilmu hingga cemerlang, tetapi mereka juga perlu memiliki pemikiran kritikal yang digabungkan dengan nilai moral yang kukuh.

"Melalui integrasi antara akal dan etika ini, ia dapat membentuk generasi pemikir dan pemimpin yang bersedia mempertahankan maruah semua pihak dan membina dunia yang mencerminkan perpaduan serta belas kasihan seperti dikehendaki Islam.

"Kita tidak mahu jadi seperti institusi terkenal dunia lain yang memperoleh reputasi yang murni dalam kecemerlangan akademik tetapi malangnya menghasilkan graduan yang muflis secara moral," katanya.

Dalam aspek pertukaran budaya juga, Anwar dan El-Sisi bersetuju Malaysia dan Mesir akan terus menjadi destinasi popular untuk pelajar dan pakar memperluas kajian serta penyelidikan berkaitan budaya, serta bekerjasama mengekalkan momentum kerjasama yang positif.

Anwar berkata, kehebatan ketamadunan Mesir perlu dipelajari Malaysia, malah turut mengakui manfaat pertukaran budaya dalam memupuk persahabatan dan mempererat hubungan antara rakyat kedua-dua negara.

Umumnya, lawatan kali kedua Anwar sebagai Perdana Menteri ke Mesir ini bukan saja bagi memenuhi jemputan khas El-Sisi bagi meraikan sambutan hubungan diplomatik yang terjalin bermula 10 November 1959, malah kali ini ia mencakupi ruang lingkup yang lebih luas bagi memperkukuh kerjasama dalam pelbagai bidang yang memberi manfaat kepada kedua-dua negara.



Anwar disambut El-Sisi sempena lawatan rasmi empat hari ke Mesir, baru-baru ini. (Foto BERNAMA)